

# Program Coaching, NLP tingkat potensi luar biasa individu

M erujuk kepada isu program unik *Coaching* dan *Neuro Linguistic Programming* (NLP) di universiti awam, saya yang sendiri hadir ke kursus berkenaan di Pasir Salak, Disember lalu, mendapati ia kaedah terbaik mengubah minda negatif kepada positif.

Gabungan dua kaedah ini menghasilkan kombinasi yang unggul dan luar biasa keberkesanannya iaitu pemikiran di luar jangkauan manusia.

Teknik *Coaching* sudah diiktiraf bagi meningkatkan potensi luar biasa individu secara rohaniah serta bukan membentuk ekstremis (tindakan melampau) dalam kalangan pelajar seperti tangga pan sesetengah pihak.

Ia adalah kaedah menyedarkan minda bahawa individu mampu melonjakkan prestasi masing-masing kepada tahap tinggi yang

berganda serta menunjuk cara untuk menggunakan sumber daya diri dengan lebih baik.

- Pelajar menyedari dalam diri ada kuasa yang mampu mengubah nasib dan masa depan contohnya menguruskan masa dan kewangan dengan baik, mampu menjadi pemimpin dan ketua pasukan dengan cemerlang.

## Berfikir di luar kebiasaan

Menerusi mekanisme ini kita mahu pelajar berfikir di luar kebiasaan untuk mengambil pelajaran dan teladan melalui membongkar semula kehebatan nenek moyang kita menerusi bukti teknologi dan ilmu Melayu.

Contohnya, mengkaji bagaimana sukatan dan bahan digunakan untuk menjadikan keris berdiri sehingga secara fiziknya ia mampu imbang sendiri.

Dengan kata lain, kita mahu ingatkan balik bagaimana cara Melayu lama berfikir bagaimana material kain cindai yang dikatakan digunakan pahlawan Melayu abad ke-19 kalis bahan api dan lain-lain.

Ini antara contoh pemikiran orang lama dan teknik pemikiran sedemikian sudah mampu menciptakan pelbagai teknologi hebat sehingga seluruh dunia datang mengkaji sejarah Melayu untuk dibawa pulang ke negara masing-masing.

*Coaching* dengan NLP adalah satu program berkemahiran tinggi untuk mereka yang ingin menjadi ketua yang efektif, boleh diaplikasi dalam banyak bidang seperti pengurusan, kepemimpinan, sukan, pendidikan dan keibubapaan.

Antara contoh, tokoh Perubatan Moden yang dilahirkan pada tahun 370 Hijrah, Ibnu Sinna

yang melukis anatomi badan manusia dengan sempurna tanpa kelengkapan seperti sinar-X untuk melihat dalaman manusia, manakala tokoh kaji bintang Al Biruni mengetahui bumi ini bulat mengelilingi matahari walau pun ketika itu tiada roket atau kapal terbang.

Kadang-kadang kita bina peta dalam minda dengan kandungan negatif yang menghalang kita untuk berfikir di luar kotak atau di luar jangkauan manusia.

Sebagai contoh agama menyaran kita sentiasa berfikir, peka persekitaran, memiliki pertimbangan rasional, mampu menilai dan membuat keputusan terbaik.

 **Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran,**  
Timbalan Naib Canselor,  
Universiti Putra Malaysia

**“Coaching dengan NLP adalah satu program berkemahiran tinggi untuk mereka yang ingin menjadi ketua yang efektif, boleh diaplikasi dalam banyak bidang seperti pengurusan, kepemimpinan, sukan, pendidikan dan keibubapaan”**